



LAPORKAN AKTIVITI PELARIAN CUKAI

*Report Tax Evasion
Activity*

TATACARA ADUAN ORANG AWAM TERHADAP MAKLUMAT BERKAITAN EKONOMI BAYANGAN / PELARIAN CUKAI PENDAPATAN

PROCEDURE FOR PUBLIC TO LODGE A COMPLAINTS ON INFORMATION RELATED TO SHADOW ECONOMY / INCOME TAX EVASION

Objektif utama Aduan Pelarian Cukai adalah sebagai salah satu platform kepada orang awam untuk menyalurkan maklumat berkaitan ekonomi bayangan / pelarian cukai pendapatan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Ini adalah usaha bagi meningkatkan kutipan cukai yang sepatutnya diperoleh demi menegakkan keadilan sistem percukaian dan pembangunan dalam negara.

The main objective of Tax Evasion Complaints is to serve as a platform for the public to channel information on the shadow economy / income tax evasion to the Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM). This is an effort to increase the tax collection that should be obtained in order to uphold the fairness of the taxation system and contribute to the Nation's development.

Sekiranya orang awam (Pengadu / Pemberi Maklumat) mempunyai maklumat berkaitan ekonomi bayangan atau berlakunya aktiviti pelarian cukai, pengadu / pemberi maklumat boleh melaporkannya kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia menerusi 3 cara yang berikut;

If the public (Complainant/Informant) has information relating to the shadow economy or the occurrence of tax breakout activities, they can report it to the Inland Revenue Board of Malaysia in the following ways;

Menulis surat kepada :

Write in personally to:

1

Seksyen Aduan dan Sumber, Bahagian Perisikan Jabatan Perisikan dan Profiling, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Aras 3, Menara 2, No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Complaints and Information Section, Intelligence Division, Inland Revenue Board of Malaysia Level 3, Tower 2, Jalan 9/10, Section 9, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor.

2

Mengisi maklumat berkaitan pelarian cukai melalui sistem e-PC (Pelarian Cukai). Sistem tersebut boleh dilayari di laman web Hasil <https://epelariancukai.hasil.gov.my/>
Provide information on tax evasion through the e-PC (Tax Evasion) system.

This system can be accessed on the Inland Revenue Board(HASIL's) official webpage at <https://epelariancukai.hasil.gov.my/>

Hadir ke Pejabat :

Present to office in person:

3

Hadir ke pejabat LHDNM, dan berhubung dengan pegawai yang berada di Seksyen Perisikan Dan Profiling (SPDP) di setiap Negeri pengadu / pemberi maklumat.

****Alamat bagi SPDP tersebut boleh dirujuk melalui Direktori Hasil.**

Visit to IRBM office, and liaise with the officers who are in the Intelligence and Profiling Section (SPDP) in each State of the complainant/informant.

****The address of the SPDP can be referred through the Revenue Directory.**

APAKAH BUTIRAN MAKLUMAT PELARIAN CUKAI YANG PERLU DIKEMUKAKAN OLEH PENGADU / PEMBERI MAKLUMAT

**WHAT DETAILS
OF TAX EVASION
INFORMATION NEED
TO BE SUBMITTED BY
THE COMPLAINANT /
INFORMANT**



1

Maklumat identiti individu atau syarikat yang terlibat dengan pelarian cukai. Contoh: Nama, No. Kad Pengenalan, No. Pendaftaran SSM dan juga alamat
Identify the individuals' or companies involved in the tax evasion. For instance, their names, identification number, SSM registration number, and address



2

Maklumat isu pelarian cukai mestilah jelas dan terperinci
The information on the tax evasion must be clear and specific



3

Mempunyai dokumen sokongan bagi pelarian cukai yang dilakukan
Have supporting documents as evidence material for the reported tax evasion



4

Lain-lain maklumat penting yang berkaitan
Any other relevant information or supporting evidence which is important for the investigation

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan maklumat pembayar cukai di bawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53). Oleh yang demikian, pengadu / pemberi maklumat tidak akan dimaklumkan tentang sebarang status tindakan berhubung maklumat yang telah disalurkan kepada LHDNM. Tindakan ke atas maklumat yang disalurkan akan dijalankan mengikut prosedur kerja berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

The Inland Revenue Board of Malaysia (HASIL) is subject to the confidentiality provisions of taxpayer information under the section 138 of the Income Tax Act 1967(Act 53). The complainant/informant will not be exposed nor be notified on progression or status of the lodged report. Action will be carried out in accordance with the legal procedures in force.



Maklumat yang diterima dan identiti pengadu / pemberi maklumat akan diklasifikasikan sebagai SULIT. Bagi maksud pematuhan kepada peruntukan seksyen 138 Akta 53, identiti pengadu / pemberi maklumat adalah sentiasa dilindungi daripada sebarang bentuk pendedahan umum atau dalam mana-mana prosiding di mahkamah.

The information received and the identity of the complainant/informant is highly classified and treated CONFIDENTIAL. In compliance to the Section 138 of Act 53 of the ITA 1967, the complainant's/informant's identity and information will be protected from any public disclosure or any court proceedings.